



JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR
Tingkat M,9,10,11,14,17 & 18 , No.1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C , Seksyen 9
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-5123 7333,03-5123 7334,03-5123 7335,03-5123 7401
Faks : 03-5123 7202 (Pengaruh),03-5123 7209 (Pengurusan),
03-5123 7299 (Perubatan),03-5123 7389 (Pergigian),
03-5123 7399(Kesihatan Awam),03-5123 7402 (BKMM),
03-5123 8604 (Farmasi)

Portal Rasmi : www.jknselangor.moh.gov.my

Ruj. kami : JKNS/KA/V/600-5/2/1 . (1)
Tarikh : 30 Januari 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 9/2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Selangor amat komited ke arah mencapai sasaran Kadar Kematian Demam Denggi - *Case Fatality Rate* (CFR) <0.2% seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga Minggu Epid 47/2022 CFR yang dicatatkan oleh Selangor ialah 0.03%.

3. Sehubungan itu, susulan daripada Mesyuarat Semakan Kematian Denggi Peringkat Negeri Selangor Bil 9/2022 telah diadakan pada 2 Disember 2022. Berikut adalah *key points* hasil mesyuarat tersebut sebagai perkara yang perlu diberi perhatian dan tindaksusul oleh semua PTJ di Negeri Selangor:

3.1 Penggunaan Rekod Pemantauan Pesakit Demam Denggi Dan Panduan Penjagaannya Di Rumah

Semua pesakit yang disyaki atau didiagnos demam denggi diberikan kad rekod pemantauan pesakit demam denggi dan panduan penjagaannya di rumah serta didokumenkan segala ujian keputusan makmal dan tanda *vital signs* seperti di **Lampiran I**. Selain itu, pegawai perubatan yang melihat pesakit ini perlu memberikan nasihat serta memaklumkan apakah tanda-tanda amaran yang perlu pesakit ketahui dan tindakan segera mendapatkan rawatan ke hospital.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri

3.2 Ujian Saringan Diabetes Di Kalangan Pesakit Berisiko

Semua pesakit yang berisiko dan memenuhi kriteria saringan diabetes perlu dibuat ujian saringan *dextrostik*. Ini bagi memastikan kes demam denggi yang berisiko dikenalpasti lebih awal. Semua pesakit demam denggi yang berumur lebih 30 tahun serta obes perlu menjalani ujian saringan diabetes melalui *dextrostik*.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri

PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KERJA KITA



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. NO. QMS 01508

3.3 **Warning Signs For Dengue Fever**

Semua pegawai perubatan yang melihat pesakit yang disyaki atau diagnos demam denggi perlu melihat dan mengenalpasti tanda-tanda amaran pada pesakit demam denggi. Tanda-tanda ini bukan sahaja pada gejala yang dimaklumkan oleh pesakit atau melalui pemeriksaan fizikal tetapi termasuk ujian darah yang dijalankan dengan melihat tren *haematocrit* dan *platelet* (*raised HCT with rapid drop in platelet*).

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri
Ketua Perkhidmatan Perubatan
Ketua Perkhidmatan Kecemasan

3.4 **Rujukan Kes Demam Denggi Bersama Pakar Perubatan Keluarga**

Pegawai perubatan di klinik kesihatan yang melihat pesakit demam denggi perlu merujuk atau bincang **semua kes** dengan tanda-tanda amaran bersama Pakar Perubatan Keluarga (FMS) untuk pengurusan pesakit selanjutnya.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri

3.5 **Pemantauan *Vital Signs* Pesakit Kritikal**

Semua pesakit demam denggi yang kritikal perlu dibuat pemantauan rapi bacaan *vital signs*, carta *input* dan *output* serta dibuat pemeriksaan fizikal dengan menyeluruh/lengkap.

Tindakan: Ketua Perkhidmatan Perubatan
Ketua Perkhidmatan Kecemasan
Ketua Perkhidmatan Anaestisiologi

3.6 **Rawatan Pesakit Demam Denggi Dan *Diabetic Ketoacidosis (DKA)***

Semua pesakit DKA dan denggi memerlukan pemantauan rapi termasuk *fluid management*. Pesakit ini perlu dilihat dengan segera oleh perubatan/*anaest* semasa di wad kecemasan dan dirujuk segera ke unit rawatan rapi (ICU). Pemantauan rapi bagi pesakit ini hanya dapat dijalankan di ICU disebabkan oleh bilangan pesakit yang ramai untuk dipantau dan kekurangan anggota di jabatan kecemasan.

Tindakan: Ketua Perkhidmatan Perubatan
Ketua Perkhidmatan Kecemasan
Ketua Perkhidmatan Anaestisiologi

3.7 Penglibatan *Consultant/ Infectious Disease (ID) Physician* Dalam Rawatan Pesakit Demam Denggi Yang Kritikal

Consultant/ID physician perlu dilibatkan bersama dalam rawatan semua pesakit demam denggi yang kritikal bagi memastikan rawatan yang tepat diberikan kepada pesakit.


Tindakan: Ketua Perkhidmatan Perubatan
Ketua Perkhidmatan Kecemasan
Ketua Perkhidmatan Anaestisiologi

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan anggota kesihatan di bawah seliaan agar perkhidmatan yang diberikan adalah komprehensif. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah


(DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN)
No Pendaftaran Penuh MPM: 26842, NSR: 127761
Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

s.k

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, JKNS

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Primer, JKNS

Ketua Perkhidmatan
Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Kecemasan Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Anaestisiologi Negeri Selangor

SENARAI EDARAN

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Klang

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Pengarah Hospital, Hospital Selayang

Pengarah Hospital, Hospital Serdang

Pengarah Hospital, Hospital Sg. Buloh

Pengarah Hospital, Hospital Ampang

Pengarah Hospital, Hospital Kajang

Pengarah Hospital, Hospital Banting

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam

Pengarah Hospital, Hospital Kuala Kubu Bharu

KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEDAIATAN
DEWASA BENDI PERINGKAT NEGERI SELANGOR DI. 8/2022

Pengarah Hospital, Hospital Tanjong Karang

Pengarah Hospital, Hospital Shah Alam

Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak

Malaysia Medical Association
4th Floor, Bangunan MMA 124 Jlna Pahang
53000 Kuala Lumpur

Association of Private Hospitals of Malaysia
A-17-01, Menara UOA Bangsar
No 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

The Private Medical Practitioner's Association Of Selangor and Kuala Lumpur
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Technology Park Malaysia (TPM)
Jalan Inovasi 1
Lebuhraya Puchong- Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur

